

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN SR.1.2.2
BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE* DAN
BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah pemakaian kadar baharu Bayaran Pakaian Istiadat berkuat kuasa?	Kadar baharu Bayaran Pakaian Istiadat iaitu RM3,500.00 berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Tuntutan yang telah dibuat sebelum tarikh kuat kuasa adalah tertakluk kepada kadar terdahulu iaitu RM1,500.00
2.	Apakah pegawai perlu mengemukakan surat/ kad jemputan semasa membuat tuntutan.	Pegawai perlu mengemukakan surat/ kad jemputan/ arahan bertugas Parlimen/DUN berserta resit semasa membuat tuntutan.
3.	Bagaimanakah pengiraan tempoh tiga (3) tahun sekiranya pegawai membuat tuntutan pakaian siang dan pakaian malam secara berasingan?	Tempoh tiga tahun adalah berdasarkan <u>tarikh tuntutan pertama</u> yang dikemukakan oleh pegawai.
4.	Apakah komponen bagi Pakaian Istiadat?	<p>Pakaian Siang (Lelaki): Jaket putih/ Seluar hitam/ Songkok hitam/ Georget/ Apolet/ Kasut hitam</p> <p>Pakaian Malam (Lelaki): Kemeja putih/ Mess jaket putih/ Seluar hitam/ Apolet/ Bengkung/ Kasut hitam</p> <p>Pakaian Siang (Wanita): Jaket putih/ kain sarung hitam/ topi hitam/ georgette/ apolet/ tas tangan hitam/ kasut hitam</p> <p>Pakaian Malam (Wanita): Mess jaket putih/ baju panjang wanita hitam/ apolet/ bengkung/ tas tangan/ kasut hitam</p>
5.	Adakah tudung bagi pegawai wanita dikira sebagai komponen pakaian istiadat?	Tidak. Tudung tidak dikira sebagai komponen pakaian istiadat.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Bolehkah Pegawai membuat tuntutan bayaran balik bagi komponen kasut sahaja (tanpa pakaian)	Tidak boleh. Tuntutan bayaran balik komponen tanpa pakaian adalah tidak wajar.
7.	Sekiranya pegawai telah membuat tuntutan bayaran pakaian istiadat pada Disember 2022, adakah pegawai layak membuat tuntutan semula dengan menggunakan kadar baharu?	Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa 1 Januari 2023 adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu sebelum layak menuntut kadar dan syarat baharu ini.
8.	Jika Pegawai telah membuat tuntutan bayaran balik pakaian istiadat siang sebanyak RM1,750.00 pada Januari 2023 namun hanya RM1,500.00 yang dapat dituntut kerana belum berkuatkuasanya kadar baharu pakaian istiadat, bolehkah pegawai menuntut baki RM250.00 di bawah kadar baharu?	Boleh. Jumlah yang tidak dapat dituntut iaitu RM250.00 boleh dituntut kembali berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
9.	Jika Pegawai telah membuat tuntutan pakaian siang pada Februari 2023 dengan kadar RM1,800.00 dan pakaian malam pada Mei 2023 dengan kadar RM2,000.00, bagaimanakah pengiraan kadar tuntutan pegawai.	Pegawai layak tuntutan pakaian siang pada Februari 2023 dengan kadar RM1,800.00. Walau bagaimanapun, pegawai hanya layak tuntutan pakaian malam pada Mei 2023 dengan kadar RM1,700.00 sahaja (RM3,500.00- RM1,800.00).

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Pada Jun 2023, pegawai membuat tuntutan pakaian istiadat siang sebanyak RM1,500.00. Bolehkah pegawai membuat tuntutan pakaian istiadat siang kali kedua pada Mei 2024 sebanyak RM1,500.00?	Tidak boleh. Dasar semasa memperuntukkan kadar bagi dua jenis pakaian istiadat iaitu pakaian siang dan pakaian malam serta tiga (3) tahun merupakan tempoh yang munasabah bagi penyelenggaraan setiap pakaian tersebut.
11.	Bagaimanakah pengiraan tempoh kelayakan tiga (3) tahun akan datang sekiranya pegawai telah membuat tuntutan pada Mac 2023 dan Januari 2024	Pengiraan tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama iaitu Mac 2023.

Nota : Maklumat perhubungan berkaitan perkara ini boleh diajukan ke talian 03-8885 5658/ 03-8885 5653